Kursus ini memberi tumpuan kepada harmoni moden seperti kord skel, modes, dominan utama, dominan sekunder dan asas pengharmonian. Pelajar juga akan didedahkan dengan kaedah menganalisis pergerakan kord menggunakan label numerikal romawi.

AMP3093 TEKNOLOGI INSTRUKSI UNTUK PENDIDIKAN MUZIK/ *INSTRUCTIONAL TECHNOLOGY FOR MUSIC EDUCATION*

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi tumpuan kepada aspek teori dan praktikal berkaitan teknologi instruksi untuk pendidikan muzik. Pelajar juga akan meneroka asas teknologi instruksi, penggunaan alat serta perisian rakaman dan penyuntingan, platform pembelajaran interaktif dan pengaplikasian teknologi dalam pembelajaran muzik. Kursus ini juga menekankan penghasilan bahan bantu belajar berteraskan teknologi instruksi yang diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran muzik dengan berkesan.

AMM3072 SEJARAH MUZIK BARAT / HISTORY OF WESTERN MUSIC

Prasyarat: Tiada

Kursus ini membincangkan sejarah perkembangan Muzik Klasikal Barat merangkumi perkembangan muzik dari Zaman Pertengahan, Renaissance, Zaman Barok, Zaman Klasikal, Zaman Romantika, Abad ke-20 dan pengkaryaan muzik pelbagai genre dan stail oleh komposer terulung yang terpilih.

AMM3112 ASAS TEORI MUZIK/ FUNDAMENTALS OF MUSIC THEORY

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada aspek penulisan notasi dan teori muzik. Ia meliputi pengetahuan terhadap muzik notasi, pic dalam pelbagai klef, skel major dan minor, mode, jeda, struktur triad asas, dan asas terminologi muzik. Kursus ini juga menjalankan latihan tubi pelbagai corak irama.

AMM3212 PENCIPTAAN MUZIK / MUSIC CREATION

Prasyarat: Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada teknik-teknik asas penciptaan dan gubahan muzik. Setiap pelajar dikehendaki menghasilkan ciptaan dan gubahan asli dalam pelbagai bentuk muzik berdasarkan teknik-teknik yang diperkenalkan.

AMP3033 PENGENALAN KEPADA PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN MUZIK / INTRODUCTION TO RESEARCH IN MUSIC EDUCATION

Prasyarat: Tiada

Kajian tentang teras historikal, falsafah, psikologikal, sosiologikal dan metodologikal pendidikan muzik dalam konteks perkembangan pendidikan muzik di Malaysia. Isu dan cabaran semasa serta trend dan hala tuju amalan Pendidikan Muzik di Malaysia akan dibincangkan.

AMP3084 PROJEK AKHIR DIDIK HIBUR / FINAL EDU-TAINMENT PROJECT

Prasyarat: Tiada

Kursus ini dirangka khas untuk mendedahkan pelajar tahun akhir Pendidikan Muzik dengan pengetahuan dan kemahiran merancang, mengelola, mengurus, menerbit dan membuat persembahan untuk pertunjukkan muzik. Pelajar akan didedahkan dengan pelbagai pertimbangan termasuk elemen menghibur dan mendidik dalam menghasilkan pertunjukkan muzik yang berjaya.

AMP3113 KAEDAH PENGAJARAN MUZIK/ MUSIC TEACHING METHODS

Prasyarat: Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada strategi, pendekatan, kaedah, dan teknik pengajaran bagi merancang dan melaksanakan proses pengajaran dalam pembelajaran pendidikan muzik. Pelajar akan menghasilkan rancangan pengajaran dan melaksanakan aktiviti pengajaran mikro.

AMS3062 KEMAHIRAN BERMAIN PIANO / PIANO PROFICIENCY

Prasyarat: Tiada

Kursus pengenalan ini tertumpu kepada pelbagai teknik permainan piano seperti postur badan, tangan, pengukuhan penjarian dan pembacaan not. Pelajar juga didedahkan kepada asas pengharmonian melodi dan bermain repertoar asas.

AMS3202 ALAT UTAMA I/ PRINCIPAL INSTRUMENT I

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkembangkan pengetahuan dan kemahiran asas alat utama pelajar. Pelajar akan mempersembahkan karya muzik terpilih serta membuat penilaian persembahan.

AMS3212 ALAT UTAMA II/ *PRINCIPAL INSTRUMENT II*

Prasyarat: Tiada

Kursus ini adalah lanjutan dari AMS3202 Alat Utama I yang memperkembangkan pengetahuan dan kemahiran asas alat utama pelajar. Pelajar akan mempersembahkan karya muzik terpilih serta membuat penilaian persembahan.

AMS3222 ALAT UTAMA III/ *PRINCIPAL INSTRUMENT III*

Prasyarat: Tiada

Kursus ini adalah lanjutan dari AMS3212 Alat Utama II yang memperkembangkan pengetahuan dan kemahiran asas alat utama pelajar. Pelajar akan mempersembahkan karya muzik terpilih serta membuat penilaian persembahan.

AMS3232 KOIR/CHOIR

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi tumpuan terhadap teknik persembahan koral, teknik nyanyian dan rutin latihan koral. Pelajar akan didedahkan dengan pelbagai genre repertoire muzik koral untuk mengukuhkan muzikaliti, struktur dan stail dalam nyanyian. Pelajar turut didedahkan dengan pengetahuan tentang pengurusan dan persembahan koir.

AMS3242 TEKNIK ALAT MUZIK ORKESTRA I

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi pendedahan asas kepada teknik bermain alat perkusi dan alat bertali. Aspek penjagaan dan penyelenggaraan alat serta kaedah mengajar yang sesuai juga diperkenalkan.

AMS3252 TEKNIK ALAT MUZIK ORKESTRA II

Prasyarat: TEKNIK ALAT MUZIK OKESTRA I

Kursus ini akan memperkenalkan asas permainan alat tiup kayu dan bras dengan penekanan terhadap teknik permainan dan aplikasinya dalam persembahan. Pelajar turut didedahkan dengan kaedah mengajar serta aspek penjagaan dan penyelenggaraan.

AMK3092 ENSEMBEL INSTRUMENTAL

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan lagi kemahiran pada instrumen gunaan melalui pengalaman praktikal dalam ensemble instrumental pada peringkat lanjutan repertoire orkestra.

SENARAI KURSUS MINOR PENDIDIKAN MUZIK

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
AMM3022	Kemahiran Asas Muzik I	2
AMM3112	Asas Teori Muzik	2
AMP3113	Kaedah Pengajaran Muzik	3
AMM3072	Sejarah Muzik Barat	2
AMM3203	Muzik Tradisional Rakyat Malaysia	3
AMM3172	Apresiasi Muzik	2
AMP3023	Teras Dalam Pendidikan Muzik	3
AMS3062	Kemahiran Bermain Piano	2
AMS3232	Koir	2
JUMLAH		21
KURSUS PENGAJARAN MINOR		
- Akan diambil oleh pelajar bermula ambilan A191 (Semester 1 Sesi 2019/2020)		
- Harus diambil sebelum mengikuti Latihan Mengajar 1 (LM1)		
AMP3093	Teknologi Instruksi Untuk Pendidikan Muzik	3
JUMLAH KREDIT KESELURUHAN		24

AGIHAN KURSUS MINOR MENGIKUT SEMESTER PENGAJIAN

Semester 3			Semester 4		
Kod	Nama Kursus	Kredit	Kod	Nama Kursus	Kredit
AMM3112	Asas Teori Muzik	2	AMS3232	Koir	2
AMM3022	Kemahiran Asas Muzik I	2	AMS3062	Kemahiran Bermain Piano	2
AMM3172	Apresiasi Seni Muzik	2	AMM3072	Sejarah Muzik Barat	2
JUMLAH JAM KREDIT		6	JUMLAH JAM KREDIT		6
Semester 5			Semester 6		
Kod	Nama Kursus	Kredit	Kod	Nama Kursus	Kredit
AMM3203	Muzik Tradisional Rakyat Malaysia	3	AMP3113	Kaedah Pengajaran Muzik	3
AMP3023	Teras dalam Pendidikan Muzik	3	AMP3093	Teknologi Instruksi Untuk Pendidikan Muzik	3
JUMLAH JAM KREDIT		6	JUMLAH JAM KREDIT		6

JABATAN SENI PERSEMBAHAN

PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN

PROGRAM SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN
PROGRAM SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TEATER) DENGAN KEPUJIAN
PROGRAM MINOR TARI
PROGRAM MINOR TEATER

PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN

1. PROGRAM SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN

OBJEKTIF PROGRAM

Program Sarjana Muda Seni Persembahan (Tari) dengan Kepujian adalah berhasrat melahirkan graduan dalam bidang tari yang berteraskan kesenian dan kebudayaan, selaras dengan dasar kerajaan bagi mencapai Wawasan 2020 untuk meningkatkan kualiti sosioekonomi dan pembangunan modal insan dalam semua bidang termasuk tari. Kandungan kurikulum program Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan (Tari) dengan Kepujian ini digubal dengan matlamat untuk membentuk individu yang dapat mengembangkan potensi kognitif, afektif dan psikomotor pementakan secara strategik daripada peringkat ijazah untuk melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dan doktor falsafah kelak selaras dengan matlamat pendidikan sepanjang hayat (*longlife learning*). Melalui kurikulum yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani membolehkan graduan menceburi kerjaya dalam bidang tari selain memiliki pengetahuan, dinamik, berkemahiran dan mempunyai keyakinan yang tinggi khususnya untuk melaksanakan program dan projek yang berkaitan dengan seni persembahan, kesenian dan kebudayaan negara.

Program Sarjana Muda Seni Persembahan (Tari) dengan Kepujian akan melahirkan graduan yang:-

- i. memperoleh pengetahuan dalam bidang tari;
- ii. menguasai kemahiran dalam bidang tari;
- iii. membina tingkah laku, nilai dan tahap profesional yang beretika;
- iv. mempunyai pengetahuan dan kebolehan untuk menyalurkan maklumat dengan komunikasi berkesan;
- v. meningkatkan bilangan pekerja separa mahir dalam bidang tari bagi memenuhi kehendak industri pada peringkat tempatan dan antarabangsa; dan
- vi. mewujudkan peluang-peluang kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi.

2. PROGRAM SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TEATER) DENGAN KEPUJIAN

OBJEKTIF PROGRAM

Program Sarjana Muda Seni Persembahan (Teater) dengan Kepujian merupakan sebuah program seni persembahan yang merupakan wadah ilmu kepada masyarakat dengan tujuan untuk melestarikan budaya dan seni di Malaysia. Lakon, pengarah dan pengurusan produksi merupakan beberapa gabungan unsur yang terdapat dalam seni persembahan yang menjadi teras kepada program ini. Selain itu, program ini juga berupaya membentuk individu yang berketerampilan dan berkeyakinan tinggi. Tuntasnya, program ini dapat melahirkan individu yang seimbang antara teori dan praktikal dalam seni persembahan.

Program Sarjana Muda Seni Persembahan (Teater) dengan Kepujian akan melahirkan graduan yang:-

- i. memperoleh pengetahuan dalam bidang teater;
- ii. menguasai kemahiran dalam bidang teater;
- iii. membina tingkah laku, nilai dan tahap profesional yang beretika;
- vi. mempunyai pengetahuan dan kebolehan untuk menyalurkan maklumat dengan komunikasi berkesan;
- v. meningkatkan bilangan pekerja separa mahir dalam bidang teater bagi memenuhi kehendak industri pada peringkat tempatan dan antarabangsa; dan
- vi. mewujudkan peluang-peluang kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi.

3. PROGRAM MINOR TARI

4. PROGRAM MINOR TEATER

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

SYARAT AM UNIVERSITI DAN SYARAT KHAS PROGRAM SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN

Memenuhi Syarat Am Universiti:

SYARAT AM UNIVERSITI

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya;

- Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Malaysia kertas Julai ;
- Lulus mata pelajaran Sejarah (Mulai SPM 2013)

dan

Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Prasekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya;

- Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am;
- Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain

atau

Lulus Matrikulasi/Asasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

atau

Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM);

atau

Memiliki Diploma dalam bidang pengkhususan yang relevan dengan program yang dipohon dari institusi pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Senat universiti dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50;

atau

Memiliki Sijil *Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)* yang dianugerahkan oleh MQA Peringkat Diploma (Tahap 4 MQF)

atau

Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat universiti;

atau

Mendapat sekurang-kurangnya-kurang Tahap 2 (Band 2) dalam *Malaysian University English Test (MUET)*;

SYARAT KHAS PROGRAM

Lulus temuduga dan uji khas yang dikendalikan oleh pihak Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

SYARAT AM UNIVERSITI DAN SYARAT KHAS KEMASUKAN KE PROGRAM SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TEATER) DENGAN KEPUJIAN

Memenuhi Syarat Am Universiti:

SYARAT AM UNIVERSITI

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya;

- Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Malaysia kertas Julai ;
- Lulus mata pelajaran Sejarah (Mulai SPM 2013)

dan

Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Prasekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya;

- Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am;
- Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain

atau

Lulus Matrikulasi/Asasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

atau

Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM);

atau

Memiliki Diploma dalam bidang pengkhususan yang relevan dengan program yang dipohon dari institusi pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Senat universiti dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50;

atau

Memiliki Sijil *Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)* yang dianugerahkan oleh MQA Peringkat Diploma (Tahap 4 MQF)

atau

Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat universiti;

atau

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam *Malaysian University English Test (MUET)*;

SYARAT KHAS PROGRAM

Lulus temuduga dan uji khas yang dikendalikan oleh pihak Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

KURSUS-KURSUS UNIVERSITI

KOD KURSUS	KOMPONEN	JAM KREDIT
UBM3262 / ***UPU3282	Keterampilan Wacana Bahasa Melayu / ***Asas Bahasa Melayu Komunikasi 2	2 2
UBD2012	Kemahiran Bakat Digital	2
UPU3222	Budaya Keusahawanan	2
UPU3112 / ***UPU3322	Falsafah dan Isu Semasa / ***Warisan Seni dan Budaya Malaysia	2 2
UPU3122	Penghayatan Etika dan Peradaban	2
UPU2342	Integriti dan Anti Rasuah	2
**UBI3282	**Comprehensive English 1	2
**UBI3292	**Comprehensive English 2	2
	Ko-kurikulum (Sukan / Kelab / Persatuan Unit Beruniform)	2
	JUMLAH	18/*20

**Semua kursus di atas wajib diulang sekiranya memperoleh Gred C- dan ke bawah
*** Kursus Universiti yang perlu diambil oleh Pelajar Bukan Warganegara

SINOPSIS KURSUS UNIVERSITI

UBM3262 KETERAMPILAN WACANA BAHASA MELAYU

2 Kredit

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dalam wacana akademik pelajar. Pelajar didedahkan dengan kemahiran praktikal dalam pencarian maklumat bagi menghasilkan penulisan ilmiah dan pembentangan secara berkesan dalam bahasa Melayu.

UBM3362 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2

2 Kredit

Kursus ini menekankan penguasaan kemahiran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa agar dapat berkomunikasi dalam situasi kehidupan harian dengan baik. Pelajar akan diperkenalkan dengan pertuturan dan penulisan Bahasa Melayu mudah. Fokus utama adalah untuk menguasai kemahiran asas komunikasi merangkumi aspek bertutur, menulis, membaca dan mendengar dalam bahasa Melayu.

UBD2012 KEMAHIRAN BAKAT DIGITAL

2 Kredit

Kursus ini memperkenalkan pengetahuan dan kemahiran bakat digital yang perlu dikuasai oleh generasi masa kini. Ia meliputi pengetahuan berkaitan takrifan bakat digital, jurang bakat digital, kepentingan bakat digital, cabaran, peluang dan trend masa kini, khususnya di Malaysia. Kursus ini turut memperkenalkan tiga (3) tahap kemahiran bakat digital. Tahap kemahiran pertama adalah kemahiran asas yang berkaitan dengan membina profil profesional dalam talian, pemprosesan perkataan, mengurus tetapan privasi, menggunakan papan kekunci dan skrin sentuh dan penggunaan emel. Tahap kemahiran kedua iaitu kemahiran pertengahan adalah berkaitan dengan reka bentuk grafik digital dan pemasaran digital. Manakala tahap kemahiran ketiga adalah kemahiran lanjutan iaitu kepintaran buatan, keusahawanan digital, data raya, keselamatan siber, Internet Benda dan realiti maya.

UPU3222 BUDAYA KEUSAHAWANAN

2 Kredit

Kursus ini memberi fokus kepada pengajian keusahawanan dan kemahiran perniagaan dengan penekanan terhadap pelaksanaan pembelajaran secara interaktif. Para pelajar akan didedahkan dengan teori, konsep serta amalan keusahawanan yang berkesan.

SINOPSIS KURSUS UNIVERSITI

UPU3112 FALSAFAH DAN ISU SEMASA

2 Kredit

Kursus ini merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Penggunaan falsafah sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam falsafah iaitu epistemologi, metafizik dan etika dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberikan kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya. Di hujung kursus ini pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain.

UPU3322 WARISAN SENI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

2 Kredit

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada pelbagai bentuk seni masyarakat berbilang bangsa dan kaum etnik yang menjadi sebahagian daripada warisan budaya Malaysia. Pelajar akan mengkaji muzik, tarian, teater dan kraf tradisional yang mewakili budaya unik masyarakat Malaysia di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Melalui penglibatan secara praktikal dalam seni persembahan dan pembuatan kraf terpilih, pelajar akan membina penghargaan yang lebih tinggi terhadap warisan budaya Malaysia dan kefahaman yang lebih baik tentang masyarakat Malaysia.

UPU3122 PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

2 Kredit

Kursus ini menerangkan tentang konsep etika daripada perspektif peradaban yang berbeza. Ia bertujuan bagi mengenal pasti sistem, tahap perkembangan, kemajuan dan kebudayaan sesuatu bangsa dalam mengukuhkan kesepaduan sosial. Selain itu, perbincangan berkaitan isu-isu kontemporari dalam aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban dapat melahirkan pelajar yang bermoral dan profesional. Penerapan amalan pendidikan berimpak tinggi (HIEPs) yang bersesuaian digunakan dalam penyampaian kursus ini. Di hujung kursus ini pelajar akan dapat menghubungkaitkan etika dan kewarganegaraan berinda sivik.

UPU2342 INTEGRITI DAN ANTI RASUAH

2 Kredit

Kursus ini merangkumi konsep asas tentang nilai integriti, bentuk kesalahan rasuah dan salah guna kuasa dalam kehidupan seharian serta dalam organisasi dan langkahlangkah pencegahan rasuah. Isu dan kes rasuah sebenar juga dibincangkan dalam sesi pembelajaran. Fokus utama kursus ini adalah untuk membangunkan kemahiran yang di perlukan untuk menghadapi isu-isu rasuah, salah guna kuasa dan jenayah kolar putih supaya seseorang individu dapat bertindak dan kekal berintegriti setiap masa.

UBI3282 COMPREHENSIVE ENGLISH 1

2 Kredit

Kursus ini bertujuan untuk membangunkan keupayaan pelajar untuk melaporkan maklumat yang dikumpul dan menganalisis teks dalam bidang yang diminati oleh pelajar. Ia juga membolehkan pelajar membentangkan penerangan idea untuk berkomunikasi secara berkesan mengenai topik yang tidak asing bagi pelajar.

UBI3292 COMPREHENSIVE ENGLISH 2

2 Kredit

Kursus ini mengukuhkan lagi kebolehan pelajar dalam menilai teks berkaitan topik abstrak dan kompleks. Ia membantu pelajar berkomunikasi secara berkesan melalui penulisan esei dalam konteks akademik dan tempat kerja. Ia juga membantu pelajar untuk membentuk kemahiran kerja berpasukan untuk berkongsi idea dan pendapat dalam konteks biasa dan kompleks.

STRUKTUR PENGAJIAN PROGRAM SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN

STRUKTUR 120 JAM KREDIT		
KOD KURSUS	KOMPONEN	KREDIT
UBM3262 / ***UPU3282	KURSUS-KURSUS UNIVERSITI Keterampilan Wacana Bahasa Melayu / ***Asas Bahasa Melayu Komunikasi 2	2
UBD2012	Kemahiran Bakat Digital	2
UPU3222	Budaya Keusahawanan	2
UPU3112 / ***UPU3322	Falsafah dan Isu Semasa / *** Warisan Seni dan Budaya Malaysia	2
UPU3122	Penghayatan dan Etika Peradaban	2
UPU2342	Integriti dan Antirasuah	2
**UBI3282	**Comprehensive English 1	2
**UBI3292	**Comprehensive English 2	2
	Ko-kurikulum (Sukan / Kelab / Persatuan Unit Beruniform	2
*** Kursus Universiti yang perlu diambil oleh Pelajar Bukan Warganegara JUMLAH		18
	MAJOR	
APC3063	Pengenalan Teknik Asas Tari	3
APC3073	Pelaziman Tubuh	3
APC3083	Teori dan Apresiasi Muzik	3
APC3093	Teknik Asas Lakonan	3
APC3103	Pengurusan Produksi Seni Persembahan	3
APC3113	Prinsip Rekaan Untuk Seni Persembahan	3
APC3122	Perspektif Seni Persembahan	2
ADP3093	Tari Klasik Melayu	3
ADT3072	Sejarah Tari Dunia	2
ADP3192	Ballet	2
APC3013	Teori Seni Persembahan	3
APC3133	Rekaan Cahaya Pentas	3
APC3143	Teater Muzikal	3
APC3153	Muzik Kreatif dalam Seni Persembahan	3
APC3162	Pengenalan dalam Penyelidikan Seni Persembahan	2
ADP3043	Tari Tradisional Melayu	3
APC3053	Kajian Ilmiah	3
APC3173	Pedagogi Seni Persembahan	3
APC3183	Kaedah Pengajaran Pergerakan Kreatif	3
APC3193	Teater Tradisional Nusantara	3
ADP3212	Improvisasi dan Komposisi	2
#ADP3202	#Teknik Tari Kontemporari	2
ADT3062	Pengenalan Etnokoreologi	2
APC3023	Pengurusan Seni dan Kerjaya	3
APC3203	Teknologi dalam Seni Persembahan	3
APC3213	Rekaan Tatarias dan Kostum	3
ADP3222	Tari Sabah dan Sarawak	2

KOD KURSUS	KOMPONEN	KREDIT
#ADP3103	#Koreografi	3
APC3033	Seminar Seni Persembahan	3
#ADP3236	#Projek Akhir Tari	6
JUMLAH		85
APC3226	Latihan Industri	6
	Kursus Elektif 1	2
	Kursus Elektif 2	3
	Kursus Elektif 3	3
	Kursus Elektif 4	3
JUMLAH		17
JUMLAH KESELURUHAN		120

** Kursus yang wajib diulang sekiranya memperoleh Gred C- dan ke bawah

SENARAI PRASYARAT SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN

BIL.	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	PRASYARAT	
			KOD KURSUS	NAMA KURSUS
1.	ADP3202	Teknik Tari Kontemporari	ADP3192	Ballet
2.	ADP3236	Projek Akhir Tari	ADP3103	Koreografi
			APC3013	Teori Seni Persembahan

STRUKTUR PENGAJIAN MENGIKUT SEMESTER SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN

CADANGAN STRUKTUR PENGAJIAN MENGIKUT SEMESTER SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) - 120 JAM KREDIT (A241)					
SEMESTER 1 [A241]			SEMESTER 2 [A242]		
KOD KURSUS	NAMA KURSUS	KT	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	KT
UBM3262	Keterampilan Wacana Bahasa Melayu / **UBM3282 Asas Bahasa Melayu Komunikasi 2	2	UPU3222 UPU3112	Budaya Keusahawanan Falsafah dan Isu Semasa / **UPU3322 Warisan Seni dan Budaya Malaysia	2 2
UBD2012	Kemahiran Bakat Digital	2	*****1	Ko-kurikulum	1
APC3063	Pengenalan Teknik Asas Tari	3	APC3103	Pengurusan Produksi Seni Persembahan	3
APC3073	Pelaziman Tubuh	3	APC3113	Prinsip Rekaan Untuk Seni Persembahan	3
APC3083	Teori dan Apresiasi Muzik	3	APC3122	Perspektif Seni Persembahan	2
APC3093	Teknik Asas Lakonan	3	ADP3093	Tari Klasik Melayu	3
*****2	Kursus Elektif 1	2	ADT3072	Sejarah Tari Dunia	2
			ADP3192	Ballet	2
JUMLAH JAM KREDIT		18	JUMLAH JAM KREDIT		20
SEMESTER 3 [A251]			SEMESTER 4 [A252]		
KOD KURSUS	NAMA KURSUS	KT	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	KT
UPU3122	Penghayatan Etika dan Peradaban	2	UPU2342	Integriti dan Anti Rasuah	2
UBI3282	Comprehensive English 1	2	UBI3292	Comprehensive English 2	2
*****1	Ko-kurikulum	1	APC3053	Kajian Ilmiah	3
APC3013	Teori Seni Persembahan	3	APC3173	Pedagogi Seni Persembahan	3
APC3133	Rekaan Cahaya Pentas	3	APC3183	Kaedah Pengajaran Pergerakan Kreatif	3
APC3143	Teater Muzikal	3	APC3023	Pengurusan Seni dan Kerjaya	3
APC3153	Muzik Kreatif dalam Seni Persembahan	3	ADP3212	Improvisasi dan Komposisi	2
APC3162	Pengenalan dalam Penyelidikan Seni Persembahan	2	ADP3202	Teknik Tari Kontemporari ^{Pre}	2
ADP3043	Tari Tradisional Melayu	3	ADT3062	Pengenalan Etnokoreologi	2
			APC3226	Pra-Pendaftaran Latihan Industri : LI (dilaksanakan dalam cuti)	6
JUMLAH JAM KREDIT		22	JUMLAH JAM KREDIT		22

SEMESTER 5 [A261]			SEMESTER 6 [A262]		
<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>	<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>
APC3193	Teater Tradisional Nusantara	3	APC3033	Seminar Seni Persembahan	3
APC3203	Teknologi dalam Seni Persembahan	3	ADP3236	Projek Akhir Tari ^{Pre}	6
APC3213	Rekaan Tatarias dan Kostum	3	*****3	Kursus Elektif 2	3
APC3226	Latihan Industri	6	*****3	Kursus Elektif 3	3
ADP3222	Tari Sabah dan Sarawak	2	*****3	Kursus Elektif 4	3
ADP3103	Koreografi	3			
JUMLAH JAM KREDIT		20	JUMLAH JAM KREDIT		18

SINOPSIS KURSUS SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN

APC3063 PENGENALAN TEKNIK ASAS TARI

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada elemen pergerakan dan menyediakan tubuh untuk mempersembahkan pelbagai aktiviti fizikal artistik. Pelajar akan didedahkan dengan prinsip penjajaran tubuh dan amalan keselamatan tari.

APC3073 PELAZIMAN TUBUH

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada elemen-elemen pelaziman tubuh dan menyediakan tubuh untuk mempersembahkan pelbagai aktiviti fizikal artistik, dengan penekanan kepada tahap stamina, kekuatan otot, kelenturan, koordinasi tubuh dan amalan keselamatan senaman.

APC3083 TEORI DAN APRESIASI MUZIK

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi penekanan dalam pengetahuan asas teori dan elemen dalam muzik. Pelajar akan didedahkan kepada pelbagai genre muzik dalam seni persembahan.

APC3093 TEKNIK ASAS LAKONAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini menyediakan kemahiran asas kepada pelajar bagi membina dan mempamerkan aksi lakonan dalam ruang persembahan.

APC3103 PENGURUSAN PRODUKSI SENI PERSEMBAHAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada pengurusan produksi seni persembahan. Melalui kursus ini pelajar dikehendaki untuk merancang, mengurus, mentadbir dan mengawal produksi seni persembahan.

APC3113 PRINSIP REKAAN UNTUK SENI PERSEMBAHAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi pendedahan secara teori dan praktikal tentang prinsip, elemen dan teknik rekaan dalam seni persembahan melalui penerokaan kajian visual. Pelajar juga akan didedahkan tentang pengaplikasian teknik dan bahan dalam penghasilan produk sinografi.

SINOPSIS KURSUS SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN

APC3122 PERSPEKTIF SENI PERSEMBAHAN

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan kajian rentas disiplin yang menumpu kepada perspektif seni persembahan. Ia menggabungkan bidang kajian teater dan tari, antropologi, sosiologi dan pengajian budaya. Pelajar akan diberikan panduan untuk mengkaji skop persembahan yang luas merangkumi persembahan di dalam dan di luar panggung. Kursus ini juga menekankan hubungan si antara teori dan amalan. Oleh itu, pelajar akan menelaah dan menggunakan naskah-naskah daripada pelbagai mod persembahan yang boleh diperhatikan serta turut terlibat sama dalam amalan persembahan.

ADP3093 TARI KLASIK MELAYU

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberikan pengetahuan serta latihan praktikal tentang struktur persembahan dan gerak tari Klasik Melayu. Memahami tentang tarian daripada aspek pensejarahan serta perkembangan tarian. Genre tari yang menjadi teras pembelajaran ialah Tarian Asyik dan Joget Gamelan.

ADT3072 SEJARAH TARI DUNIA

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini membantu pelajar memahami sejarah tari dunia dengan memahami makna dalam tubuh badan yang bergerak. Kursus ini meliputi konteks sejarah yang berkaitan dengan setiap genre, seperti karya yang penting, sumbangan tokoh dan cara-cara untuk menginterpretasikan amalan tari.

ADP3192 BALLE

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Teknik ballet diperlukan pelajar untuk kekuatan otot, kelenturan, keseimbangan dan kawalan tubuh badan sebagai satu persediaan untuk kemahiran fizikal yang lebih lanjut.

APC3013 TEORI SENI PERSEMBAHAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi pengetahuan tentang relevansi dan interaksi antara falsafah, antropologi dan sosiologi dengan tumpuan kepada teori-teori asas seni persembahan.

APC3133 REKAAN CAHAYA PENTAS

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus praktikal ini mendedahkan pelajar kepada proses penghasilan pencahayaan yang merangkumi asas, pengenalan peralatan dan fungsi, penyelenggaraan peralatan dan penghasilan rekaan cahaya pentas.

SINOPSIS KURSUS

SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN

APC3143 TEATER MUZIKAL

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada sejarah perkembangan teater muzikal, konsep dan gaya persembahan berasaskan kombinasi kemahiran lakonan, nyanyian dan tarian.

APC3153 MUZIK KREATIF DALAM SENI PERSEMBAHAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini dirangka bagi menyediakan pelajar dengan kemahiran mencipta muzik untuk persembahan tari dan teater. Pelajar dikehendaki menghasilkan karya ciptaan baharu secara kreatif dan menganalisis muzik yang mereka hasilkan.

APC3162 PENGENALAN DALAM PENYELIDIKAN SENI PERSEMBAHAN

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi tumpuan kepada pembelajaran pedagogi seni persembahan, latar belakang teori dan amalan yang berkaitan. Pelajar didedahkan dengan pengalaman pembelajaran praktikal.

ADP3043 TARI TRADISIONAL MELAYU

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada tari tradisional Melayu yang menjadi asas kepada genre tari Melayu dalam komposisi baru untuk tujuan persembahan pentas seterusnya memperkenalkan bentuk dan gaya persembahan serta teknik persembahan yang telah diolah bagi tujuan persembahan.

APC3053 KAJIAN ILMIAH

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini bercorak teori dan amali yang mendedahkan pelajar terhadap aspek-aspek penulisan kajian ilmiah membabitkan peringkat kajian lapangan dan pasca lapangan. Kursus ini akhirnya akan mendedahkan pelajar tentang proses penyediaan penulisan kajian ilmiah dan pembentangan hasil kajian.

APC3173 PEDAGOGI SENI PERSEMBAHAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi tumpuan kepada pembelajaran pedagogi seni persembahan, latar belakang teori dan amalan yang berkaitan. Pelajar didedahkan dengan pengalaman pembelajaran praktikal.

SINOPSIS KURSUS SARJANA MUDA SENI PERSEMAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN

APC3183 KAEDAH PENGAJARAN PERGERAKAN KREATIF

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar tentang aktiviti pergerakan kreatif yang dapat meningkatkan imaginasi, kreativiti dan estetika. Pelajar berpeluang untuk mengembangkan kebolehan fizikal melalui eksplorasi imaginasi dan kreativiti. Pelajar dikehendaki menghasilkan Rancangan Pengajaran melalui aktiviti pengajaran pergerakan kreatif yang bersifat mikro.

APC3023 PENGURUSAN SENI DAN KERJAYA

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada prinsip dalam pengurusan secara umum serta memperkenalkan rupa bentuk kerjaya yang boleh diceburi dalam bidang kesenian. Penerapan prinsip pengurusan kepada bidang kesenian sama ada dari segi organisasi, proses, pelaksanaan dan penilaian.

ADP3212 IMPROVISASI DAN KOMPOSISI

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini membantu para pelajar untuk membangunkan keupayaan bergerak secara spontan berdasarkan tindak balas kepada pelbagai rangsangan. Melalui latihan pergerakan berpandu, percubaan dan pemerhatian, pelajar akan dapat mengembangkan perbendaharaan gerak individu, dan membangunkan urutan pergerakan dengan manipulasi masa, ruang dan tenaga.

ADP3202 TEKNIK TARI KONTEMPORARI

2 Kredit

Prasyarat: Lulus ADP3192

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada teknik tari kontemporari dan menyediakan tubuh badan untuk mempersembahkan pelbagai aktiviti fizikal artistik dengan penekanan kepada penjajaran tubuh badan yang tepat.

ADT3062 PENGENALAN ETNOKOREOLOGI

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi pelajar pengenalan terhadap pendekatan silang disiplin yang digunakan di dalam etnokoreologi seperti antropologi, pengajian budaya, pengajian gender dan lain-lain bidang yang relevan dalam pengajian tari.

APC3193 TEATER TRADISIONAL NUSANTARA

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi kefahaman tentang kepelbagaian jenis dan struktur persembahan teater tradisional Nusantara secara teori dan praktikal.

APC3203 TEKNOLOGI DALAM SENI PERSEMAHAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi pendedahan teknologi penghasilan video digital kreatif dalam inovasi penghasilan produk persembahan. Secara khususnya pelajar akan mempelajari pengendalian peralatan dan perisian teknologi untuk penghasilan produk seni persembahan.

SINOPSIS KURSUS SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN

APC3213 REKAAN TATARIAS DAN KOSTUM

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan teknik dan rekaan tatarias serta kostum untuk seni persembahan. Pelajar akan membuat perbincangan secara berpasukan untuk menghasilkan sebuah projek artistik.

ADP3222 TARI SABAH DAN SARAWAK

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada tari tradisi suku kaum yang terdapat di Sabah dan Sarawak.

ADP3103 KOREOGRAFI

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini melibatkan pembelajaran proses pengkaryaan mengaplikasikan ilmu tari yang dipelajari ke dalam koreografi yang meliputi: proses idea, tema, konsep tarian, jenis tari, bentuk persembahan, pola dramatik, eksplorasi, dan konstruktif dalam elemen-elemen koreografi. Pendekatan asas pendidikan dalam merekacipta tari dengan menggunakan teknik improvisasi yang berkaitan dengan emosi dan persekitaran yang bersesuaian bagi melahirkan idea persembahan tarian.

APC3033 SEMINAR SENI PERSEMBAHAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini berbentuk perbincangan interaktif, kritikan dan apreasi yang dikendalikan melalui program bengkel kesenian tari dan teater. Para pelajar didedahkan dengan kefahaman secara teori dan kemudiannya menjalani latihan amali di dalam bengkel mahupun seminar. Pelajar juga berpeluang menganalisa serta mengaplikasikan pendekatan-pendekatan terkini seni persembahan melalui kendalian bengkel bersama jemputan khas.

ADP3236 PROJEK AKHIR TARI

6 Kredit

Pra Syarat: Lulus ADP3103 & APC3013

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk membentangkan salah satu projek daripada dua bidang berikut: komposisi koreografi atau pengurusan produksi. Pelajar akan membuat cadangan, membina dan membentangkan persembahan atau pengurusan produksi. Pelajar kemudian akan melaksanakan projek yang dicadangkan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan menulis laporan akhir.

APC3226 LATIHAN INDUSTRI

6 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini menyediakan pelajar dengan pengalaman praktikal dalam industri seni persembahan dengan mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran di situasi sebenar secara profesional.

SENARAI KURSUS PROGRAM MINOR TARI

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	Jam Kredit
APC3063	Pengenalan Teknik Asas Tari	3
ADT3072	Sejarah Tari Dunia	2
APC3183	Kaedah Pengajaran Pergerakan Kreatif	3
ADP3043	Tari Tradisional Melayu	3
ADP3093	Tari Klasik Melayu	3
ADP3212	Improvisasi dan Komposisi	2
APC3213	Rekaan Tatarias dan Kostum	3
ADP3222	Tari Sabah Dan Sarawak	2
JUMLAH KREDIT		21
KURSUS PENGAJARAN MINOR		
**Kursus yang telah ditetapkan sebagai Kursus Pengajaran Minor bagi Program Minor Tari		
**APC3223	Pendekatan Seni Persembahan dalam Pengajaran	3
JUMLAH KREDIT KESELURUHAN		24

STRUKTUR PENGAJIAN MENGIKUT SEMESTER PROGRAM MINOR TARI

SEMESTER 3			SEMESTER 4		
KOD	NAMA KURSUS	KREDIT	KOD	NAMA KURSUS	KREDIT
APC3063	Pengenalan Teknik Asas Tari	3	APC3183	Kaedah Pengajaran Pergerakan Kreatif	3
ADT3072	Sejarah Tari Dunia	2	ADP3043	Tari Tradisional Melayu	3
JUMLAH		5	JUMLAH		6

SEMESTER 5			SEMESTER 6		
KOD	NAMA KURSUS	KREDIT	KOD	NAMA KURSUS	KREDIT
ADP3093	Tari Klasik Melayu	3	APC3213	Rekaan Tatarias dan Kostum	3
ADP3212	Improvisasi dan Komposisi	2	ADP3222	Tari Sabah dan Sarawak	2
**APC3223	Pendekatan Seni Persembahan Dalam Pengajaran	3			
JUMLAH		8	JUMLAH		5

*Kursus yang telah ditetapkan sebagai Kursus Pengajaran Minor bagi Program Minor Tari

SINOPSIS KURSUS SINOPSIS KURSUS PROGRAM MINOR SENI TARI

APC3063 PENGENALAN TEKNIK ASAS TARI

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada elemen pergerakan dan menyediakan tubuh untuk mempersembahkan pelbagai aktiviti fizikal artistik. Pelajar akan didedahkan dengan prinsip penajajaran tubuh dan amalan keselamatan tari.

ADT3072 SEJARAH TARI DUNIA

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini membantu pelajar memahami sejarah tari dunia dengan memahami makna dalam tubuh badan yang bergerak. Kursus ini meliputi konteks sejarah yang berkaitan dengan setiap genre, seperti karya yang penting, sumbangan tokoh dan cara-cara untuk menginterpretasikan amalan tari

APC3183 KAEDAH PENGAJARAN PERGERAKAN KREATIF

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar tentang aktiviti pergerakan kreatif yang dapat meningkatkan imaginasi, kreativiti dan estetika. Pelajar berpeluang untuk mengembangkan kebolehan fizikal melalui eksplorasi imaginasi dan kreativiti. Pelajar dikehendaki menghasilkan Rancangan Pengajaran melalui aktiviti pengajaran pergerakan kreatif yang bersifat mikro.

ADP3043 TARI TRADISIONAL MELAYU

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada tari tradisional Melayu yang menjadi asas kepada genre tari Melayu dalam komposisi baru untuk tujuan persembahan pentas seterusnya memperkenalkan bentuk dan gaya persembahan serta teknik persembahan yang telah diolah bagi tujuan persembahan.

ADP3093 TARI KLASIK MELAYU

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberikan pengetahuan serta latihan praktikal tentang struktur persembahan dan gerak tari Klasik Melayu. Memahami tentang tarian daripada aspek pensejarahan serta perkembangan tarian. *Genre* tari yang menjadi teras pembelajaran ialah Tarian Asyik dan Joget Gamelan.

ADP3212 IMPROVISASI DAN KOMPOSISI

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini membantu para pelajar untuk membangunkan keupayaan bergerak secara spontan berdasarkan tindak balas kepada pelbagai rangsangan. Melalui latihan pergerakan berpandu, percubaan dan pemerhatian, pelajar akan dapat mengembangkan perbendaharaan gerak individu, dan membangunkan urutan pergerakan dengan manipulasi masa, ruang dan tenaga.

SINOPSIS KURSUS
SINOPSIS KURSUS PROGRAM MINOR SENI TARI

APC3213 REKAAN TATARIAS DAN KOSTUM

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan teknik dan rekaan tatarias serta kostum untuk seni persembahan. Pelajar akan membuat perbincangan secara berpasukan untuk menghasilkan sebuah projek artistik.

ADP3222 TARI SABAH DAN SARAWAK

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada tari tradisi suku kaum yang terdapat di Sabah dan Sarawak

STRUKTUR PENGAJIAN PROGRAM SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TEATER) DENGAN KEPUJIAN

STRUKTUR 121 JAM KREDIT		
KOD KURSUS	KOMPONEN	JAM KREDIT
	KURSUS-KURSUS UNIVERSITI	
UBM3262 / ***UPU3282	Keterampilan Wacana Bahasa Melayu / ***Asas Bahasa Melayu Komunikasi 2	2
UBD2012	Kemahiran Bakat Digital	2
UPU3222	Budaya Keusahawanan	2
UPU3112 / ***UPU3322	Falsafah dan Isu Semasa / ***Warisan Seni dan Budaya Malaysia	2
UPU3122	Penghayatan Etika dan Peradaban	2
UPU2342	Integriti dan Antirasuah	2
**UBI3282	**Comprehensive English 1	2
**UBI3292	**Comprehensive English 2	2
	Ko-kurikulum 1 dan 2 Sukan / Kelab / Persatuan Unit Beruniform	2
*** Kursus Universiti yang perlu diambil oleh Pelajar Bukan Warganegara		JUMLAH
		18
	MAJOR	
APC3063	Pengenalan Teknik Asas Tari	3
APC3073	Pelaziman Tubuh	3
APC3083	Teori dan Apresiasi Muzik	3
APC3093	Teknik Asas Lakonan	3
APC3103	Pengurusan Produksi Seni Persembahan	3
APC3113	Prinsip Rekaan Untuk Seni Persembahan	3
APC3122	Perspektif Seni Persembahan	2
ATT3072	Pengantar Teater Malaysia	2
ATP3212	Lakonan Pascamoden	2
ATP3222	Teater untuk Komuniti	2
APC3013	Teori Seni Persembahan	3
APC3133	Rekaan Cahaya Pentas	3
APC3143	Teater Muzikal	3
APC3153	Muzik Kreatif dalam Seni Persembahan	3
APC3162	Pengenalan dalam Penyelidikan Seni Persembahan	2
ATP3093	Penulisan Skrip Drama Pentas	3
APC3053	Kajian Ilmiah	3
APC3173	Pedagogi Seni Persembahan	3
APC3183	Kaedah Pengajaran Pergerakan Kreatif	3
APC3193	Teater Tradisional Nusantara	3
ATP3113	Pengarahan	3
ATP3232	Rekaan Set dan Props	2
ATP3242	Vokal Lakonan Pentas	2
APC3023	Pengurusan Seni dan Kerjaya	3
APC3203	Teknologi dalam Seni Persembahan	3

KOD KURSUS	KOMPONEN	KREDIT
ATP3153	Teater dan Drama Pendidikan	3
ATT3083	Teater dan Drama Barat	3
APC3213	Rekaan Tatarias dan Kostum	3
APC3033	Seminar Seni Persembahan	3
ATP3256	Produksi Akhir Teater	6
	JUMLAH	86
APC3226	Latihan Industri	6
	Kursus Elektif 1	2
	Kursus Elektif 2	3
	Kursus Elektif 3	3
	Kursus Elektif 4	3
	JUMLAH	17
	JUMLAH KESELURUHAN	121

STRUKTUR PENGAJIAN MENGIKUT SEMESTER SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TEATER) DENGAN KEPUJIAN

CADANGAN STRUKTUR PENGAJIAN MENGIKUT SEMESTER IJAZAH SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TEATER) - 121 JAM KREDIT (A241)

SEMESTER 1 [A241]			SEMESTER 2 [A242]		
KOD KURSUS	NAMA KURSUS	KT	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	KT
UBM3262	Keterampilan Wacana Bahasa Melayu/ **UBM3282 Asas Bahasa Melayu Komunikasi 2	2	UPU3222 UPU3112	Budaya Keusahawanan Falsafah dan Isu Semasa/ **UPU3322 Warisan Seni dan Budaya Malaysia	2 2
UBD2012	Kemahiran Bakat Digital	2	*****1	Ko-kurikulum	1
APC3063	Pengenalan Teknik Asas Tari	3	APC3103	Pengurusan Produksi Seni Persembahan	3
APC3073	Pelaziman Tubuh	3	APC3113	Prinsip Rekaan Untuk Seni Persembahan	3
APC3083	Teori dan Apresiasi Muzik	3	APC3122	Perspektif Seni Persembahan	2
APC3093	Teknik Asas Lakonan	3	ATT3072	Pengantar Teater Malaysia Lakonan	2
ATP3242	Vokal Lakonan Pentas	2	ATP3212	Pascamoden	2
			ATP3222	Teater Untuk Komuniti	2
JUMLAH JAM KREDIT		18	JUMLAH JAM KREDIT		19
SEMESTER 3 [A251]			SEMESTER 4 [A252]		
KOD KURSUS	NAMA KURSUS	KT	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	KT
UPU3122	Penghayatan Etika dan Peradaban	2	UPU2342	Integriti dan Antirasuah	2
UBI3282	Comprehensive English 1	2	UBI3292	Comprehensive English 2	2
*****1	Kokurikulum	1	APC3053	Kajian Ilmiah	3
APC3013	Teori Seni Persembahan	3	APC3173	Pedagogi Seni Persembahan	3
APC3133	Rekaan Cahaya Pentas	3	APC3183	Kaedah Pengajaran Pergerakan Kreatif	3
APC3143	Teater Muzikal	3	APC3023	Pengurusan Seni dan Kerjaya	3
APC3153	Muzik Kreatif dalam Seni Persembahan	3	ATP3113	Pengarahan	3
APC3162	Pengenalan dalam Penyelidikan Seni Persembahan	2	ATP3232	Rekaan Set dan Props	2
ATP3093	Penulisan Skrip Drama Pentas	3			
JUMLAH JAM KREDIT		22	JUMLAH JAM KREDIT		21

			<i>Pelaksanaan Latihan Industri selama 12 minggu ketika cuti semester.</i>		
SEMESTER 5 [A261]			SEMESTER 6 [A262]		
<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>	<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>
APC3193	Teater Tradisional Nusantara	3	APC3033	Seminar Seni Persembahan	3
APC3203	Teknologi dalam Seni Persembahan	3	ATP3256	Produksi Akhir Teater	3
ATP3153	Teater dan Drama Pendidikan	3	*****3	Kursus Elektif 2	3
ATT3083	Teater dan Drama Barat	3	*****3	Kursus Elektif 3	3
APC3213	Rekaan Tatarias dan Kostum	3	*****3	Kursus Elektif 4	3
APC3226	Latihan Industri	6			
*****2	Kursus Elektif 1	2			
	JUMLAH JAM KREDIT	23		JUMLAH JAM KREDIT	18

* Pelajar yang lulus Ujian Diagnostik akan dikecualikan daripada mendaftar kursus MTE3012 Kompetensi Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan sekiranya tidak berjaya (gagal), pelajar perlu mendaftar kursus tersebut sebagai Kursus Universiti.

** Kursus Universiti yang perlu diambil oleh Pelajar Bukan Warganegara

SINOPSIS KURSUS SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TEATER) DENGAN KEPUJIAN

APC3063 PENGENALAN TEKNIK ASAS TARI

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada elemen pergerakan dan menyediakan tubuh untuk mempersembahkan pelbagai aktiviti fizikal artistik. Pelajar akan didedahkan dengan prinsip penajajaran tubuh dan amalan keselamatan tari

APC3073 PELAZIMAN TUBUH

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada elemen-elemen pelaziman tubuh dan menyediakan tubuh untuk mempersembahkan pelbagai aktiviti fizikal artistik, dengan penekanan kepada tahap stamina, kekuatan otot, kelenturan, koordinasi tubuh dan amalan keselamatan senaman.

APC3083 TEORI DAN APRESIASI MUZIK

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi penekanan dalam pengetahuan asas teori dan elemen dalam muzik. Pelajar akan didedahkan kepada pelbagai genre muzik dalam seni persembahan

APC3093 TEKNIK ASAS LAKONAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini menyediakan kemahiran asas kepada pelajar bagi membina dan mempamerkan aksi lakonan dalam ruang persembahan.

ATP3242 VOKAL LAKONAN PENTAS

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini menyediakan pelajar tentang kemahiran pengolahan vokal untuk lakonan meliputi variasi suara, projeksi suara, olah teknik pernafasan, olah pengucapan dan bentuk ucapan bagi persembahan teater

APC3103 PENGURUSAN PRODUKSI SENI PERSEMBAHAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada pengurusan produksi seni persembahan. Melalui kursus ini pelajar dikehendaki untuk merancang, mengurus, mentadbir dan mengawal produksi seni persembahan.

APC3113 PRINSIP REKAAN UNTUK SENI PERSEMBAHAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi pendedahan secara teori dan praktikal tentang prinsip, elemen dan teknik rekaan dalam seni persembahan melalui penerokaan kajian visual. Pelajar juga akan didedahkan tentang pengaplikasian teknik dan bahan dalam penghasilan produk sinografi.

SINOPSIS KURSUS SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TEATER) DENGAN KEPUJIAN

APC3122 PERSPEKTIF SENI PERSEMBAHAN

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan kajian rentas disiplin yang menumpu kepada perspektif seni persembahan. Ia menggabungkan bidang kajian teater dan tari, antropologi, sosiologi dan pengajian budaya. Pelajar akan diberikan panduan untuk mengkaji skop persembahan yang luas merangkumi persembahan di dalam dan di luar panggung. Kursus ini juga menekankan hubungan si antara teori dan amalan. Oleh itu, pelajar akan menelaah dan menggunakan naskah-naskah daripada pelbagai mod persembahan yang boleh diperhatikan serta turut terlibat sama dalam amalan persembahan.

ATT3072 PENGANTAR TEATER MALAYSIA

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi pendedahan terhadap pemahaman berkaitan perkembangan teater yang meliputi aspek jenis teater dan amalannya di Malaysia. Pelajar juga akan menganalisa struktur bagi setiap jenis teater mengikut era dan menghasilkan persembahan teater mini mengikut era terpilih.

ATP3212 LAKONAN PASCAMODEN

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini menyediakan kemahiran kepada pelajar bagi membina dan mempamerkan bentuk lakonan mengikut konteks seni persembahan teater pascamoden.

ATP3222 TEATER UNTUK KOMUNITI

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi pengetahuan berkaitan sejarah dan perkembangan teater untuk komuniti disamping memodifikasi modul teater terpilih berdasarkan permasalahan komuniti. Pelajar juga perlu membenteng proposal teater untuk komuniti dan mendemostrasi modul teater terpilih secara praktik.

APC3013 TEORI SENI PERSEMBAHAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi pengetahuan tentang relevansi dan interaksi antara falsafah, antropologi dan sosiologi dengan tumpuan kepada teori-teori asas seni persembahan.

APC3133 REKAAN CAHAYA PENTAS

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus praktikal ini mendedahkan pelajar kepada proses penghasilan pencahayaan yang merangkumi asas, pengenalan peralatan dan fungsi, penyelenggaraan peralatan dan penghasilan rekaan cahaya pentas.

APC3143 TEATER MUZIKAL

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada sejarah perkembangan teater muzikal, konsep dan gaya persembahan berasaskan kombinasi kemahiran lakonan, nyanyian dan tarian.

SINOPSIS KURSUS SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TEATER) DENGAN KEPUJIAN

APC3153 MUZIK KREATIF DALAM SENI PERSEMBAHAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini dirangka bagi menyediakan pelajar dengan kemahiran mencipta muzik untuk persembahan tari dan teater. Pelajar dikehendaki menghasilkan karya ciptaan baharu secara kreatif dan menganalisis muzik yang mereka hasilkan.

APC3162 PENGENALAN DALAM PENYELIDIKAN SENI PERSEMBAHAN

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Pelajar memerlukan pengetahuan kaedah penyelidikan sebagai sumber pemerolehan maklumat mengenai seni persembahan bagi tujuan pementasan mahupun penulisan ilmiah.

ATP3093 PENULISAN SKRIP DRAMA PENTAS

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada proses kreativiti di dalam pengolahan idea-idea serta tema-tema bernas untuk dijadikan skrip drama pentas yang baik. Selain format, pelajar berpeluang mengeksplorasi gaya-gaya, genre dan bentuk penulisan yang pelbagai.

APC3053 KAJIAN ILMIAH

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini bercorak teori dan amali yang mendedahkan pelajar terhadap aspek-aspek penulisan kajian ilmiah membabitkan peringkat kajian lapangan dan pasca lapangan. Kursus ini akhirnya akan mendedahkan pelajar tentang proses penyediaan penulisan kajian ilmiah dan pembentangan hasil kajian.

APC3173 PEDAGOGI SENI PERSEMBAHAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi tumpuan kepada pembelajaran pedagogi seni persembahan, latar belakang teori dan amalan yang berkaitan. Pelajar didedahkan dengan pengalaman pembelajaran praktikal.

APC3183 KAEDAH PENGAJARAN PERGERAKAN KREATIF

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar tentang aktiviti pergerakan kreatif yang dapat meningkatkan imaginasi, kreativiti dan estetika. Pelajar berpeluang untuk mengembangkan kebolehan fizikal melalui eksplorasi imaginasi dan kreativiti. Pelajar dikehendaki menghasilkan Rancangan Pengajaran melalui aktiviti pengajaran pergerakan kreatif yang bersifat mikro.

APC3023 PENGURUSAN SENI DAN KERJAYA

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi pendedahan terhadap pengurusan seni dan kerjaya yang boleh diceburi dalam bidang seni persembahan. Kursus ini akan membincangkan tentang proses kreatif dan model perniagaan yang inovatif dalam industri kreatif. Pelajar juga akan mempelajari bagaimana gabungan idea, bakat, hands-on dan semangat keusahawanan dapat diaplikasikan secara efektif terhadap industri kreatif.

SINOPSIS KURSUS SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TEATER) DENGAN KEPUJIAN

ATP3113 PENGARAHAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini membina kemahiran pelajar untuk menjalankan kerja-kerja pengarah persembahan teater. Pelajar mengaplikasi kemahiran pengarah melalui prinsip-prinsip serta teknik-teknik yang telah dipelajari. Pelajar akhirnya akan memamerkan persembahan berdasarkan halatuju pengarah yang dipilih.

ATP3232 REKAAN SET DAN PROPS

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini adalah pengenalan kepada asas rekaan set dan prop secara teori dan praktikal dalam menayakan sesebuah produksi. Pelajar juga akan didedahkan dengan kemahiran lakaran teknikal 2D, dan 3D berkomputer bagi membina mini model rekaan set. Pelajar akan mempersembahkan rekaan set dan props sebenar berasaskan tatacara pementasan yang betul.

APC3193 TEATER TRADISIONAL NUSANTARA

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi kefahaman tentang kepelbagaian jenis dan struktur persembahan teater tradisional Nusantara secara teori dan praktikal

APC3203 TEKNOLOGI DALAM SENI PERSEMBAHAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

